

**PEMBANGUNAN MODUL THIRUKURAL (MoKThI) BERASASKAN
INKUIRI PENEMUAN TERBIMBING UNTUK MENINGKATKAN
KBAT MURID TAHUN LIMA, SJKT: ANALISIS KEPERLUAN GURU**

**[DEVELOPMENT OF A THIRUKURAL MODULE (MoKThI) BASED ON
GUIDED INQUIRY TO ENHANCE YEAR FIVE STUDENT'S HOTS]:
A NEEDS ANALYSIS OF TEACHERS]**

R KAVITHA RAMASAMY^{1*} & FARIDAH HANIM YAHYA¹

¹ Fakulti Pembangunan & Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia, MALAYSIA.
E-mail: vetrishakkthi@gmail.com; faridahhanim@fpm.upsi.edu.my

Corresponding author: vetrishakkthi@gmail.com

Received: 21 January 2025 | Accepted: 21 February 2025 | Published: 30 March 2025

Abstrak: Transformasi Kurikulum Pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 (PPPM 2013-2015) memberi penekanan kepada konsep KBAT yang berupaya melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran kritis dan kreatif. KBAT dalam PdP telah diperkenalkan sejak Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan KSSR. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan modul Thirukural berasaskan Inkuiri Penemuan Terbimbing (MoKThI) dalam kalangan murid Tahun Lima Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam meningkatkan KBAT. Kajian ini melibatkan 151 orang responden dalam kalangan guru-guru yang mengajar Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk. Kajian ini menggunakan soal selidik secara *google form*. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dan data soal-selidik dianalisis menggunakan SPSS Versi 27.0 untuk mencari min dan sisihan piawai. Melalui penganalisan data, didapati 98% guru di kedua-dua daerah ini menghadapi kesukaran dalam PdP Thirukural tanpa sebarang modul dan mengharapkan sebuah modul khas Thirukural dan KBAT dapat dihasilkan. Kajian keperluan ini telah membantu pengkaji untuk mengatur langkah-langkah sewajarnya untuk menghasilkan satu modul yang berkualiti yang dapat memenuhi keperluan guru-guru dan murid-murid dalam PdP Thirukural. Pembinaan modul yang dikenali sebagai Modul MoKThI (singkatan bagi Modul KBAT Berasaskan Thirukural dan Inkuiri Penemuan) ini telah dibangunkan berdasarkan turutan dan langkah dalam Model ASSURE. Melalui kajian ini diharap modul yang dihasilkan dapat meningkatkan pencapaian penguasaan KBAT dan Thirukural murid Tahun Lima SJKT.

Kata kunci: Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Modul MoKThI, KBAT

Abstract: Transformation of the Education Curriculum in the Malaysian Education Development Plan 2013-2015 (PPPM 2013-2015) emphasizes the concept of Higher Order Thinking Skills (HOTS) which is capable of producing a generation with critical and creative thinking. HOTS in teaching and learning has been introduced since the Primary School Integrated Curriculum (KBSR) and KSSR. This study aims to identify the need for a Thirukural module based on Guided Discovery Inquiry (MoKThI) among Year Five Tamil National Type School students in improving HOTS. This study involved 151 respondents among teachers who teach Tamil at Tamil National Type Schools in the Lower Perak and Bagan Datuk Districts. This study uses a google form questionnaire. This study is a descriptive survey and the questionnaire data is analyzed using SPSS Version 27.0 to find the mean

and standard deviation. Through data analysis, it was found that 98% of teachers in these two districts face difficulties in PdP Thirukural without any module and hope that a special module for Thirukural and HOTS can be produced. This needs study has helped the researcher to arrange the appropriate steps to produce a quality module that can meet the needs of teachers and students in Thirukural PdP. The construction of the module known as the MoKThI Module (an abbreviation for Thirukural and Discovery Inquiry Based HOTS Module) has been developed based on the sequence and steps in the ASSURE Model. Through this study, it is hoped that the module produced can improve the achievement of HOTS and Thirukural of Year Five SJKT students

Keywords: Tamil National Type Schools, MoKThI Module, HOTS

Cite this article: R Kavitha Ramasamy & Faridah Hanim Yahya. 2025. Pembangunan Modul Thirukural (MoKThI) Berasaskan Inkuiri Penemuan Terbimbing untuk Meningkatkan KBAT Murid Tahun Lima, SJKT: Analisis Keperluan Guru [Development of A Thirukural Module (MoKThI) Based on Guided Inquiry to Enhance Year Five Student's HOTS]: A Needs Analysis of Teachers]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(1), 23-41.

PENGENALAN

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan lanjutan daripada usaha kerajaan untuk menggalakkan pemikiran luar daripada kotak setelah Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dilaksanakan sebelumnya (Hazram Ismail & Nurulain, 2020). Takrifan KBAT yang digunakan oleh ilmuan barat adalah bermaksud ciri-ciri perluasan pemikiran seseorang murid itu untuk menginterpretasi, menganalisis, atau pun memanipulasi sesuatu maklumat (Anderson 2001; Lindsey, James & Keith, 2012), manakala pendefinisian yang digunakan KPM bermaksud keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (KPM, 2014).

Anderson dan Krathwohl (2001) memperhalusi pengetahuan proses berfikir mengikut Taksonomi Bloom kepada enam kebolehan iaitu: mengetahui-C1, memahami-C2, mengaplikasi-C3, menganalisis-C4, menilai-C5, dan mencipta-C6 (Murtafiah, Yunitasari, Gembong, Alvarez & Yahya, 2024). KBAT dikategorikan kepada tiga peringkat aras kognitif iaitu menganalisis (*analysing*-C4), menilai (*evaluating*-C5), dan mencipta (*creating*-C6), (Saputra, Putra & Amalia, 2022). Walaubagaimanapun, KPM merujuk KBAT kepada empat aras tertinggi dalam Taksonomi Bloom Semakan Semula (Anderson & Krathwohl, 2001) iaitu mengaplikasi iaitu menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara, menganalisis iaitu mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. Kemahiran yang ketiga adalah kemahiran menilai iaitu membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta membuat justifikasi dan yang terakhir ialah mencipta menghasilkan idea, produk dan kaedah yang kreatif dan inovatif. Tahap tertinggi dalam dimensi proses kognitif ialah mencipta iaitu murid dapat menghasilkan sesuatu hasil daripada pembelajaran yang dilalui. KBAT bukan sahaja dapat diterapkan melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sains malah KBAT dapat diterapkan melalui PdP sastera. Isu yang perlu diberikan perhatian, adalah bagaimana cara menilai proses pemikiran tahap tinggi dalam PdP sastera. Oleh itu, adalah

penting untuk melihat proses berfikir murid dalam penghasilan karya sastra khususnya pada peringkat kognitif yang tinggi.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Tahap penguasaan KBAT pelajar Malaysia agak mengecewakan dan tidak memberangsangkan seperti yang dinyatakan dalam laporan Program For International Student Assessment (PISA) dan *Trend in International Mathematics and Science Studies* (TIMSS), di mana Malaysia berada pada kedudukan satu pertiga terendah di dunia dalam kelompok 74 buah negara yang mengambil bahagian dalam kedua-dua ujian tersebut. Kajian Yee, Tze dan Abdullah (2017) tentang analisis keputusan TIMSS 1999-2015 pula mendapati pencapaian pelajar Malaysia adalah tidak konsisten dan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negaranya, Singapura. Ini menunjukkan pelajar Malaysia gagal mencapai peratus lulus yang tinggi dalam domain kognitif, di mana domain tersebut merupakan domain berfikir aras tinggi. Pencapaian Matematik TIMSS 2019 juga telah menunjukkan penurunan skor purata yang tidak signifikan berbanding TIMSS 2015 (KPM, 2019). Keputusan PISA tahun 2022 turut sungguh mengecewakan Perdana Menteri Malaysia sendiri dan seterusnya membuka mata barisan pentadbiran negara, KPM, dan seterusnya rakyat jelata tentang kepentingan reformasi baru yang menekankan KBAT yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan negara.

PERNYATAAN MASALAH

Guru mempunyai peranan yang besar dalam membudayakan KBAT di sekolah kerana guru merupakan tonggak utama dalam pendidikan. Setiap individu guru perlu membudayakan KBAT dalam memastikan kejayaan penerapan dan pembudayaan KBAT dalam kalangan murid (Norfariza, 2018). Hal ini kerana, guru adalah pelaksana KBAT dalam pengajaran dan pemudahcaraan PdP (Mohd Ashraf, Muhammad Talhah, Aminudin, Ahmad Marzuki, 2020).

Namun Wan Nor Shairah dan Norazah (2017) menyatakan bahawa guru dilihat lebih cenderung untuk hanya berbincang tentang kemahiran berfikir berbanding mengaplikasikannya sendiri di dalam kelas. Kenyataan ini juga disokong oleh Sendag, Erol, Sezgin dan Dulkadir (2015) yang menyatakan bahawa peranan ini masih tidak dapat dimainkan sebaiknya oleh guru kerana guru sendiri kurang kompetensi dalam pelaksanaan KBAT. Beberapa kajian yang dilaksanakan menunjukkan bahawa guru mempunyai kesedaran tentang kepentingan KBAT dalam PdP, namun mereka kurang kesediaan pengetahuan dan kurang kemahiran mengaplikasikan KBAT dalam PdP (Rajendran, 2008; Sharifah, Nor Adibah, Mohd Mahzan, & Aliza, 2012). Kajian Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018) mendapati bahawa tahap kesediaan guru sejarah di negeri di Perak terhadap KBAT masih di tahap sederhana, tetapi mereka positif terhadap amalan KBAT di dalam proses Pdp. Menurut Nooriza dan Effendi (2015), guru masih kurang diberikan pendedahan berkaitan KBAT sama ada melalui kursus atau bengkel. pengetahuan guru yang rendah dalam aspek KBAT turut menyumbang kepada masalah pengimplementasian KBAT di sekolah. Kassim dan Zakaria

(2015) menyokong kenyataan ini bahawa guru mempunyai pengetahuan yang kurang jelas tentang makna KBAT.

Menurut Nazri et al., (2017) tiada bahan atau modul khusus yang boleh digunakan oleh guru-guru sebagai panduan untuk menerapkan KBAT di dalam proses PdP. Kenyataan ini disokong oleh Kanthasamy (2018) yang menyatakan masalah kekurangan buku rujukan KBAT memberikan implikasi negatif dalam melaksanakan KBAT dalam bilik darjah. Selain dari itu Shamilati, Wan Mazwati dan Rahimah (2017) berkata bahawa kita kekurangan sumber bahan panduan untuk guru dalam PdP KBAT. Mereka mencadangkan perlunya usaha menyediakan sumber bahan untuk mengurangkan beban guru dan juga menyokong guru dalam PdP KBAT menerusi standard kandungan subjek supaya lebih menarik dan efektif.

Salah satu hasil karya kesusasteraan yang disanjung tinggi sebagai khazanah dunia serta berperanan sebagai panduan kehidupan umat manusia adalah Thirukural. Karya klasik ini yang dihasilkan oleh pujangga Thiruvalluvar bukan sahaja menyampaikan maklumat peradaban bangsa Tamil klasik, malah melambangkan pencapaian masyarakat Tamil klasik dalam bidang pemikiran aras tinggi kira-kira 2000 tahun dahulu. Thirukural mengandungi 1330 kuplet yang diterap dalam dua baris dalam tiga tajuk besar iaitu Keadilan, Kebahagiaan dan Kebendaan. 30 kuplet yang bersesuaian dengan tahap dan umur murid sekolah rendah dipilih dan dijadikan salah satu komponen sastera dalam DSKP Bahasa Tamil. Murid akan mempelajari 30 kuplet dari Tahun 1 hingga Tahun 6 tetapi hanya lapan kuplet sahaja yang dipilih dan dimasukkan dalam DSKP Bahasa Tamil Tahun Lima.

Didapati guru-guru SJKT menghadapi masalah dalam pengajaran Thirukural. Satu kajian yang dijalankan oleh Karthegees (2019) yang bertajuk pengajaran Thirukural berdasarkan KBAT di kalangan murid SJKT di Negeri Perak menunjukkan bahawa guru-guru sekolah SJKT menghadapi masalah dalam menguasai kandungan Thirukural. Kajian beliau menunjukkan bahawa hanya 10 orang guru sahaja menguasai kandungan Thirukural dengan cemerlang dan sebanyak 47 orang berada di tahap yang lemah.

TUJUAN KAJIAN

Analisis keperluan adalah penting dalam mengenal pasti maklumat tentang kandungan dan aspek kandungan modul yang akan dibangunkan. Penyelidik perlu melakukan kajian analisis keperluan bagi mengumpul maklumat tentang konteks dan situasi kajian (Ramli & Mohd Tajudin, (2021) .Tujuan kajian ini dijalankan terhadap guru-guru Bahasa Tamil yang mengajar di Sekolah Tamil di Daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk adalah untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid Tahun Lima dalam penguasaan KBAT di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil serta mengetahui keperluan modul khas Thirukural. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005) di dalam bukunya yang bertajuk “Pembinaan Modul-Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik” menyatakan modul dapat membantu guru mengajar sesuatu tajuk melalui pelbagai aktiviti tersusun untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Justeru, penggunaan kaedah modul dilihat mampu meningkatkan ingatan murid terhadap ilmu yang diperoleh dalam jangka masa yang panjang.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah kesukaran pembelajaran Thirukural Murid Tahun Lima dari aspek KBAT?
2. Adakah modul Thirukural diperlukan untuk meningkatkan KBAT murid Tahun Lima?

TINJAUAN LITERATUR

Thirukural mengandungi 1330 kuplet Kural. Ia terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah kebenaran (*Aram*), yang mengandungi 38 bab. Bahagian dua ialah kebendaan (*Porul*), yang mengandungi 70 bab dan bahagian tiga ialah kenikmatan cinta (*Inbam*) yang mengandungi 25 bab (Pagalavan, 2015). Daripada 1330 kuplet Thirukkural, hanya sebanyak 30 kuplet dipilih oleh BPK untuk dimasukkan dalam DSKP Bahasa Tamil KSSR, di mana kuplet ini merupakan komponen yang terbanyak dalam kandungan sastera. Daripada 30 kuplet tersebut sebanyak lapan kuplet dipilih untuk diajarkan kepada murid-murid Tahun Lima dan ia merupakan tahun dimana murid-murid mempelajari Thirukural yang paling banyak (KPM, 2020).

Menjelang abad ke-21 ini teori konstruktivisme semakin menjadi popular. Teori ini merupakan teori yang paling sesuai dijadikan panduan dan menjadi asas kepada kerangka teori kajian kerana konsepnya dalam reka bentuk PdP adalah berpusatkan murid. Syahida Nadia Zakaria (2015) telah membuat perbandingan berkaitan kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional terhadap PdP komponen sastera (KOMSAS). Menurut Syahida pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid, iaitu pendekatan konstruktivisme dapat merangsang minda dan membantu murid memperoleh serta menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya KOMSAS. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa setelah didedahkan dengan pendekatan konstruktivisme selama tiga minggu, murid kumpulan eksperimen menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi dalam ujian pasca berbanding kumpulan kawalan yang diajar dengan menggunakan pendekatan tradisional.

Rashidah, Parilah & Sharifah (2013) juga menggunakan teori konstruktivisme dalam kajiannya bertajuk 'Pembangunan dan Penilaian Pakej Pembelajaran Mudah Alih KOMSAS dalam Bahasa Inggeris Tingkatan 4. Pakej yang diberikan nama *e-Lit* dibangunkan berasaskan web yang menggabungkan penggunaan teknologi sebagai agen penyampaian PdP KOMSAS Bahasa Inggeris Tingkatan 4. Menurut Rashidah et. al., (2013) teori konstruktivisme sesuai untuk digunakan untuk pembangunan modul yang memberangsangkan pemikiran murid. Kajian yang dijalankan oleh Zainal Abidin & Afrinaleni membuktikan bahawa pelajar akan menjadi seorang yang aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan kerana kaedah ini menggalakkan pelajar lebih berfikir, lebih yakin, lebih berkemahiran sosial kerana pembelajaran dua hala, serta lebih seronok dengan aktiviti yang dilakukan. Kajian yang dijalankan oleh Syahida (2015) pula mendapati kajian beliau dalam konstruktivisme berjaya meningkatkan prestasi murid tingkatan dua dalam Komsas yang memberi kesan positif kepada murid. Kajian ini juga membuktikan bahawa pelaksanaan pendekatan konstruktivisme ini menjadi medium utama

dalam memperkasakan pembelajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif serta melahirkan murid yang lebih kreatif dan inovatif dalam pembelajaran mereka.

Teori tingkah laku merupakan teori yang menggunakan hubungan *stimulus-respon* atau dikenali sebagai hubungan S-R yang menghasilkan tingkah laku. Teori ini mengutamakan pengukuran, sebab pengukuran merupakan suatu hal penting untuk melihat terjadi atau tidaknya perubahan tingkah laku tersebut. Hukum kesan merujuk kepada pengukuhan atau kelemahan pada hubungan rangsangan dan gerak balas. Hubungan S-R juga dapat ditimbulkan atau didorong melalui latihan yang berulang-ulang. Ini bermakna hubungan S-R akan lemah jika tidak berlaku berlatih yang berulang-ulang, kerana kegunaan R terhadap suatu S akan sering berkaitan. Dalam kajian ini Modul MoKThI menjadi rangsangan kepada kemahiran berfikir murid, latihan yang berterusan dalam KBAT akan membolehkan murid meningkatkan kemahiran berfikir mereka.

ADDIE merupakan satu model yang sistematik di mana dapat memandu amalan pengajaran dan pembelajaran yang lebih terperinci bagi tujuan pembangunan, penilaian dan penyelenggaraan situasi modul pengajaran bagi mencapai objektif pembelajaran yang diharapkan. Model ADDIE ini sangat membantu untuk penghasilan modul dimana fasa analisis dapat mengetahui keperluan kajian ini. Pembinaan modul yang dicadangkan juga dapat memudahkan guru-guru dalam menyampaikan pelajaran.

Permulaan kepada penstrukturan KBAT adalah pembentukan Taksonomi Bloom yang telah diperkenalkan menerusi buku yang bertajuk *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals. Handbook I: Cognitive Domain* pada tahun 1956. Taksonomi Bloom berasal dari idea seorang profesor ulung daripada *University of Chicago*, Prof. Dr. Benjamin Samuel Bloom. Ia menekankan proses mental dan kemahiran berfikir yang disusun daripada peringkat rendah hingga peringkat tinggi. Susunannya daripada mudah kepada kompleks dan daripada konkrit kepada abstrak (Krathwohl, 2002). Ia merangkumi enam kategori utama di dalam domain kognitif iaitu: pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Taksonomi ini bertujuan untuk menyediakan sistem pengelasan matlamat- matlamat pendidikan untuk membantu khususnya guru-guru, pentadbir, pakar-pakar profesional dan penyelidik untuk membincangkan masalah-masalah kurikulum dan penilaian di dalam bidang pendidikan dengan lebih jitu (Anderson, 2001; Azraai & Othman, 2015). Pendekatan KBAT berdasarkan taksonomi ini telah menjadi asas yang utama di dalam kerangka pembentukan sistem pendidikan di dunia termasuk Malaysia yang mengadaptasikan Taksonomi Bloom dan Anderson menerusi PPPM 2013-2025 (KPM, 2014)

Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin & Amran Bakar (2017) menyatakan kaedah inkuiri merupakan teknik berbentuk tinjau siasat yang merangkumi aspek soal selidik untuk memperoleh jawapan atau kesimpulan berasaskan permasalahan. Menurut Surtahman, Mohamad Rohana, Mohammad Sulaiman, P Rameli, Abdul Razak & Halim. (2023), kaedah inkuiri penemuan merupakan aktiviti berbentuk eksperimen di mana terhasil daripada teknik inkuiri dan penemuan yang bersifat saintifik dan memfokuskan kepada penyelesaian masalah. Kaedah ini menuntut daya refleksi pelajar dan berupaya menimbulkan minat serta menjana daya kreativiti melalui pembinaan persoalan-persoalan seperti apa, mengapa, bagaimana dan sebagainya (Surtahman & et.al 2023).

Modul MoKThI merupakan sebuah modul yang dihasilkan mengikut ADDIE dan hasil gabungan teori konstruktivisme serta inkuiri penemuan terbimbing dalam meningkatkan KBAT. Modul yang mengandungi pengajaran guru, pembelajaran murid serta tugas sastera diharapkan dapat membantu murid menggunakan kognitif secara maksimum dalam menjana KBAT. Murid akan diberi peluang untuk meneroka sendiri konsep- konsep sastera dan keadaan ini memberi ruang kepada murid untuk berfikir dengan lebih fleksibel tanpa terikat dengan fakta dan prosedur di dalam buku teks. Guru pula bertindak sebagai fasilitator semasa murid mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari.

METADOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini lebih berpaksikan kepada tinjauan berbentuk kuantitatif. Tinjauan deskriptif ini lebih sesuai untuk kajian ini di mana bentuk kajian ini akan meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam penguasaan KBAT dan Thirukural serta keperluan modul khas untuk meningkatkan penguasaan KBAT oleh golongan guru semasa menyampaikan pengajaran kepada murid tahun lima yang belajar di sekolah Tamil di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.

Peserta kajian telah diberikan satu set soal selidik kajian dalam bentuk *google form* untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam peningkatan KBAT dan Thirukural serta keperluan modul khas untuk meningkatkan penguasaan KBAT oleh golongan guru semasa menyampaikan pengajaran sastera. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Rajendran dan Yahya (2001) untuk memperolehi data kuantitatif.

Soal selidik menggunakan skala Likert lima mata iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3= kurang setuju, 4= setuju dan 5= sangat setuju. Skala ini digunakan kerana item Likert bukan hanya soalan ya atau tidak, penyelidik dapat melihat sejauh mana orang setuju atau tidak setuju dengan kenyataan (Cherry, 2018). Soal selidik kajian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu demografi peserta kajian, persepsi guru terhadap PdP Thirukural, persepsi guru terhadap penerapan unsur KBAT dalam PdP Thirukural dan akhir sekali persepsi guru terhadap keperluan modul khas. Link soal selidik dikongsikan melalui *Whatsapp* dan *Telegram* sekolah oleh guru besar -guru besar sekolah-sekolah Tamil dalam dua buah daerah yang dipilih.

Lokasi kajian untuk pengumpulan data kuantitatif melibatkan 27 buah sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Daerah Hilir Perak dan Daerah Bagan Datuk. Terdapat 11 buah Sekolah Tamil di Daerah Hilir Perak dan 16 buah Sekolah Tamil di Daerah Bagan Datuk. Pemilihan lokasi kajian adalah mengambil kira kriteria peserta kajian yang dipilih secara bertujuan dan hampir menyamai sampel kajian sebenar. Pengkaji percaya dengan melaksanakan kajian analisis keperluan dengan mengambil kira kriteria sampel kajian sebenar dan lokasi yang sama, isu dan masalah yang sama turut berlaku di lokasi kajian sebenar nanti.

Responden kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil kepada murid-murid Tahun satu hingga Tahun Enam di Sekolah Tamil di dua buah daerah ini. Seramai 151 orang responden iaitu guru Bahasa Tamil terlibat dalam kajian yang

diuruskan sendiri oleh pengkaji. Maklumat terperinci tentang jantina, umur, jawatan, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik dihuraikan dalam hasil kajian. Data deskriptif yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 27.0. Antara analisis yang dilakukan dengan menggunakan statistik deskriptif meliputi peratus, kekerapan dan skor min. Analisis ini digunakan untuk menunjukkan komposisi responden dan ciri-ciri demografi guru seperti jantina, jawatan, umur, pengalaman mengajarkan Bahasa Tami dan kelulusan akademik.


HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah melalui proses kesahan dan kebolepercayaan soal selidik diedarkan kepada 250 orang guru dari 27 buah sekolah dari dua buah daerah iaitu Daerah Hilir Perak dan Daerah Bagan Datoh. Seramai 151 orang guru menjawab soal selidik ini. Bahagian A adalah demografi peserta kajian latar belakang peserta kajian meliputi profil peribadi peserta kajian. Profil peserta kajian meliputi maklumat tentang jantina, umur, kelayakan akademik, bidang kepakaran, dan pengalaman mengajar Bahasa Tamil. Jadual 1.1 menunjukkan demografi guru menjawab soal selidik ini.

Jadual 1.1 Demografi Guru dan Peratus


Demografi Guru	Kategori	Peratus
Jantina	Lelaki	16.6%
	Perempuan	83.4%
Jawatan	Guru Subjek Bahasa Tamil	65.6%
	Guru Cemerlang Bahasa Tamil	0.7%
	Ketua Panitia Bahasa Tamil	13.2%
	Jurulatih utama Bahasa Tamil	0%
	Lain-Lain	20.5%
Umur	20 - 29 Tahun	65.6%
	30 - 39 Tahun	0.7%
	40 - 49 Tahun	13.2%
	50 - 59 Tahun	0%
Pengalaman Mengajar Bahasa Tamil	6-10 Tahun	10.0%
	11 -15 Tahun	28.7%
	16 - 20 Tahun	38.0%
	21 - 25 Tahun	23.3%
Kelulusan Akademik	Sijil Perguruan	35.1%
	Diploma Perguruan	18.5%
	Ijazah Sarjana Muda	19.9%
	Ijazah Sarjana Pendidikan	14.6%
	Doktor Falsafah	11.9%

Daripada 151 orang responden 126 orang (83%) adalah guru perempuan dan 17% adalah guru lelaki iaitu seramai 25 orang seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1




Rajah 1.1. Jantina Responden Mengikut Peratus

Sebanyak 99 orang (65.5%) guru yang menjawab soal selidik ini adalah guru yang mempunyai hubungan terus dengan kajian ini iaitu guru yang mengajar Bahasa Tamil dan 20 orang (13.2%) adalah ketua panitia Bahasa Tamil. Seorang Guru cemerlang Bahasa Tamil juga turut menjawab soal selidik ini. Rajah 1.1 menunjukkan peratus responden mengikut jawatan yang menjawab soal selidik ini.




Rajah 1.2. Peratus Responden Mengikut Jawatan

Guru yang berumur 40-49 tahun adalah antara yang paling ramai menjadi responden kajian ini. Guru yang mempunyai pengalaman lebih dari lima tahun mengajar Bahasa Tamil paling ramai menjawab soal selidik ini diikuti dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 16 – 20 tahun. Ini menjadikan kajian ini lebih bermakna dan berkualiti. Rajah 1.2 menunjukkan umur dan pengalaman mengajar responden kajian.



Rajah 1.3 Umur dan Pengalaman Mengajar Responden Soal selidik

Dari segi kelulusan akademik Guru yang mempunyai ijazah sarjana muda paling ramai menjawab soal selidik ini iaitu sebanyak 81 orang (53.6%). Ini adalah kerana kebanyakan guru sekolah rendah telah mempunyai kelayakan akademik paling minima iaitu sarjana muda. Data-data ini telah membuktikan bahawa soal selidik ini telah dijawab oleh satu kumpulan guru yang profesional dan cukup berkualiti. Peratus kelulusan akademik responden soal selidik ditunjukkan dalam Rajah 1.3



Rajah 1.4. Kelulusan Akademik Responden Soal selidik

Seterusnya, Bahagian B kajian ini membincangkan tentang persepsi guru terhadap PdP Thirukural. Jadual 1.2 menunjukkan item soalan yang dikemukakan kepada para responden

Jadual 1.2 Persepsi Guru Terhadap PdP Thirukural

BIL	ITEM SOALAN	SKALA					Min	SP
		(STS)	(TS)	(KS)	(S)	(SS)		
		1	2	3	4	5		
		%	%	%	%	%		
1	Saya mempunyai kefahaman yang tinggi dalam Thirukural.	1 (0.6%)	1 (0.6%)	20 (13%)	99 (66%)	30 (20%)	4.03	0.66
2	Saya suka mengajar Thirukural.	57 (37.7%)	77 (51%)	16 (10.7%)	1 (0.6%)	0 (0%)	1.74	0.67
3	Mengajar Thirukural adalah mudah bagi saya.	32 (21.2%)	88 (58.2%)	30 (20%)	1 (0.6%)	0 (0%)	1.80	1.09
4	Saya selalu merancang aktiviti pembelajaran berpusatkan murid semasa mengajar Thirukural.	0 (0%)	2 (1.3%)	22 (14.6%)	86 (56.9%)	41 (27%)	4.10	0.68
5	Saya menyuruh pelajar menghafal Thirukural dan maksudnya.	0 (0%)	2 (1.3%)	12 (7.9%)	73 (48.3%)	64 (42.3%)	4.31	0.67
6	Saya memberi latihan menyalin semula Thirukural dan maksudnya kepada murid	1 (0.6%)	2 (1.3%)	13 (8.7%)	72 (47.7%)	63 (41.7%)	4.28	0.76
7	Saya berusaha menarik minat murid supaya belajar Thirukural.	0 (0%)	1 (0.6%)	11 (7.2%)	81 (53.7%)	58 (38.4%)	4.29	0.62
8	Pada pandangan saya murid sangat memahami kandungan Thirukural yang diajarkan oleh saya.	0 (0%)	38 (25.2%)	85 (56.2%)	25 (16.6%)	3 (2.0%)	2.95	0.71
9	Murid bergiat aktif dalam PdP Thirukural.	41 (27.1%)	82 (54.3%)	25 (16.6%)	3 (2.0%)	3 (2.0%)	2.03	0.79
10	Pengajaran saya adalah pengajaran yang bermakna.	0 (0%)	1 (0.6%)	11 (7.2%)	86 (57.0%)	53 (35.2%)	4.26	0.61

11	Saya mengajar Thirukural untuk murid lulus peperiksaan.	29 (19.2%)	29 (19.2%)	13 (8.7%)	38 (25.2%)	42 (27.8%)	3.23	1.51
12	Saya berasa tertekan setiap kali saya mengajar Thirukural kerana Thirukural tidak mudah difahami oleh murid	6 (4.0%)	23 (15.2%)	38 (25.2%)	33 (21.9%)	51 (33.8%)	3.66	1.20
13	Murid-murid menghadapi masalah dalam pemahaman kosa kata dalam Thirukural.	11 (7.2%)	24 (15.9%)	12 (8.0%)	45 (29.8%)	59 (39.1%)	3.77	1.32
14	Hanya murid-murid pintar sahaja dapat menghafal dan memahami Thirukural tanpa bantuan saya.	20 (13.2%)	27 (17.9%)	41 (27.2%)	48 (31.8%)	15 (10.0%)	3.07	1.19

Persepsi guru terhadap PdP Thirukural menunjukkan bahawa daripada 151 orang responden menjawab soal-selidik ini kebanyakan guru suka mengajar Thirukural dan mempunyai kefahaman tinggi dalam Thirukural. Walaubagaimanapun, mereka berasa mengajar Thirukural adalah bukannya mudah bagi mereka dimana 120 orang (80%) melihatnya sebagai sesuatu perkara yang agak sukar bagi mereka. Walaupun sebegitu itu, seramai 127, orang, (84%) responden setuju bahawa mereka merancang pdpc Thirukural yang berpusatkan murid. Oleh yang demikian, kebanyakan guru merancang pelbagai aktiviti dalam PdP Thirukural tetapi seramai 137 (91%) responden mengakui bahawa pada akhirnya mereka menyuruh murid menghafal Thirukural dan menyalin semula Thirukural dan maksudnya. Kedua-dua aktiviti ini tidak melibatkan aktiviti minda dan merupakan aktiviti kemahiran berfikir aras rendah (KPM, 2014). Seramai 80 orang responden (34%) mengakui mereka mengajar Thirukural untuk lulus peperiksaan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Jamian (2023), bahawa masih terdapat guru sentiasa memberi tumpuan kepada peperiksaan dan mendapati guru menyediakan latihan menggunakan format peperiksaan tanpa mengambil kira tahap keupayaan murid yang berbeza-beza dalam kelas yang sama. 104 orang responden (68.9%) pula mengakui murid memang menghadapi masalah seperti sulit memahami teks, kosa kata dan sebagainya dalam pemahaman Thirukural. Kenyataan ini dikukuhkan oleh kenyataan Lee Kim Hong, 2006 dimana kajian beliau mendapati bahawa murid-murid menghadapi masalah dalam pembelajaran KOMSAS seperti kesulitan teks, kekangan masa, kekurangan motivasi dan pendedahan sastera, kekurangan masa untuk meluahkan perasaan dan pendapat, serta pengajaran dan pembelajaran sastera yang kurang menarik.

Secara rumusannya dari segi persepsi guru terhadap PdP Thirukural menunjukkan bahawa walaupun guru suka mengajar dan mempunyai pengetahuan tinggi dalam Thirukural dan mempelbagaikan aktiviti PdP dan menganggap pengajaran Thirukural mereka bermakna tetapi aktiviti menghafal dan menyalin semula dan mengajar untuk lulus peperiksaan jelas menunjukkan bahawa guru-guru masih mengamalkan PdP konvensional dan tidak memanipulasikan komponen sastera ini secara optimum untuk murid menguasainya.

Dalam Bahagian C item soalan digubal untuk meninjau persepsi guru terhadap penerapan unsur KBAT dalam PdP Thirukural seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3

Jadual 1.3 Persepsi Guru Terhadap Penerapan Unsur KBAT Dalam PdP Thirukural

BIL	ITEM SOALAN	SKALA					
		JUMLAH RESPONDEN					SP
		(STS)	(TS)	(KS)	(S)	(ST)	
		1	2	3	4	5	
		%	%	%	%	%	
1	KBAT merupakan satu unsur yang harus diterapkan dalam PdP harian	0 (0%)	1 (0.7%)	12 (7.94%)	78 (51.6%)	60 (39.6%)	4.30 0.63
2	KBAT adalah kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta	1 (0.7%)	1 (0.7%)	14 (9.3%)	88 (58.3%)	47 (31.1%)	4.18 0.67
3	Saya selalu memberikan aktiviti dan latihan yang melibatkan kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta semasa pengajaran Thirukural	90 (59.6%)	30 (20.0%)	28 (18.5%)	0 (0%)	3 (1.99%)	1.64 0.91
4	Saya menggunakan peta I-think dan mengamalkan PAK 21 dalam PdP Thirukural	1 (0.7%)	90 (59.6%)	32 (21.1%)	4 (2.7%)	24 (15.9%)	2.73 0.11
5	Saya menggunakan soalan KBAT semasa PdP Thirukural	30 (20.0%)	4 (2.7%)	29 (19.2%)	88 (58.3%)	0 (0%)	3.15 1.17
6	Hanya sebilangan murid sahaja dpat menjawab soalan KBAT tanpa bantuan saya	4 (2.7%)	6 (4%)	41 (27.1%)	82 (54.3%)	18 (11.9%)	3.68 0.83
7	Soalan beraras rendah (KBAR) selalu menjadi pilihan saya kerana murid yang lemah juga dapat menjawab dengan jayanya	0 (0%)	8 (5.3%)	38 (25.1%)	80 (53.0%)	25 (16.6%)	3.80 0.77

8	Saya percaya thirukural dapat meningkatkan KBAT murid sekiranya ia dimanipulasikan dengan bijak	0 (0%)	1 (0.7%)	16 (10.6%)	97 (64.2%)	37 (24.5%)	4.12	0.60
---	---	-----------	-------------	---------------	---------------	---------------	------	------

Data-data yang diperolehi dalam bahagian ini menunjukkan bahawa 138 orang (91%) responden mempunyai pengetahuan tentang KBAT dan mempunyai kesedaran kepentingan KBAT perlu diterapkan dalam PdP harian. Ini berkemungkinan besar daripada pelbagai bengkel dan kursus yang dihadiri oleh mereka. Alat KBAT seperti *I-think* juga menjadi amalan PdP guru dalam kelas PAK21. Walaupun 88 orang (58.3%) mengakui mereka menggunakan soalan KBAT semasa PdP Thirukural tetapi 100 orang iaitu 66.2% responden mengakui hanya sebilangan murid sahaja dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh mereka. Oleh yang demikian, 105 orang (69.5%) responden mengakui soalan KBAT menjadi pilihan mereka. Ini merupakan satu peratus yang agak tinggi yang dapat menggugat pegangan KPM yang inginkan penerapan KBAT dalam PdP harian secara optimum. Walaupun sedemikian, 134 orang (89%) guru Bahasa Tamil percaya bahawa Thirukural dapat memainkan peranan penting dalam meningkatkan KBAT murid SJKT.

Secara rumusannya bahagian C ini memberi maklumat bahawa walaupun guru- guru mempunyai pengetahuan KBAT yang boleh dibanggakan tetapi pengaplikasian soalan KBAT dalam PdP adalah agak kurang dan mengecewakan dimana mereka tidak merangsangkan minda murid untuk berfikir. Berkemungkinan soalan beraras rendah menjadi pilihan guru kerana apabila semua aras murid dapat menjawab sesuatu soalan guru beranggapan bahawa pdp beliau berjaya dan guru tidak rasa tertekan.

Bahagian D soal selidik ini merupakan satu aspek yang sangat penting. Ia meninjau keperluan modul khas untuk mengajar Thirukural dan meningkatkan KBAT murid. Sebanyak 10 item soalan ditujukan kepada responden dan jawapan mereka sungguh memberangsangkan seperti yang ditunjukkan dalam dalam Jadual 1.4

Jadual 1.4 Analisis Keperluan Modul

BIL	ITEM SOALAN	SKALA					
		JUMLAH RESPONDEN					
		(STS)	(TS)	(KS) 3	(S)	(SS)	MIN SP
		1	2	%	4	5	
		%	%		%	%	
1	Memang agak kurang modul Bahasa Tamil di pasaran	3 (2.0%)	7 (4.7%)	31 (20.5%)	60 (39.7%)	50 (33.1%)	3.97 0.92
2	Pengajaran Thirukural akan menjadi mudah adanya modul khas untuk Thirukural	0 (0%)	4 (2.6%)	20 (13.2%)	76 (50.3%)	51 (33.9%)	4.15 0.74
3	Ketiadaan modul khas untuk PdP Thirukural memang menjadi cabaran	4 (2.6%)	6 (4.0%)	21 (14.0%)	80 (53.0%)	40 (26.4%)	3.96 0.92

4	Ketiadaan modul khas KBAT untuk murid- murid SJKT menyebabkan murid-murid SJKT kurang menguasai KBAT	6 (4.0%)	10 (6.6%)	31 (20.5%)	61 (40.3%)	43 (28.5%)	3.82	1.03
5	Saya memerlukan buku panduan khas untuk mengajar Thirukural dan KBAT	5 (3.3%)	6 (4.0%)	20 (13.2%)	76 (50.3%)	44 (29.1)	3.98	0.93
6	Murid memerlukan modul Thirukural yang mengandungi aktiviti-aktiviti yang menarik	1 (0.7%)	0 (0%)	15 (10.0%)	85 (56.2%)	50 (33.1%)	4.21	0.67
7	Murid memerlukan modul Thirukural yang dapat meningkatkan KBAT mereka tanpa bantuan guru	1 (0.7%)	1 (0.7%)	14 (9.3%)	78 (51.6%)	57 (37.7%)	4.25	0.70
8	Saya percaya PdP Thirukural akan lebih berkesan sekiranya ada satu modul khas	1 (0.7%)	2 (1.3%)	13 (8.7%)	79 (52.3%)	56 (37.0%)	4.23	0.76
9	Saya rasa modul khas yang menggabungkan Thirukural untuk meningkatkan KBAT melalui inkuiri terbimbing adalah satu keperluan dan bukannya satu keselesaan	1 (0.7%)	2 (1.3%)	18 (11.9%)	77 (51.0%)	53 (35.1%)	4.18	0.74
10	Saya pasti akan menggunakan modul Thirukural untuk meningkatkan KBAT murid-murid dalam PdP saya sekiranya ia dihasilkan	1 (0.7%)	2 (1.3%)	14 (9.3%)	78 (51.6%)	56 (37.0%)	4.23	0.72

Sejumlah 110 orang responden 72.8% mengakui bahawa memang kurang modul Bahasa Tamil di pasaran malah 135 orang responden (89.4%) mengakui PdP Thirukural akan menjadi mudah sekiranya ada modul khas. Bukan itu sahaja. 120 responden mengakui ketiadaan modul khas Thirukural memang menjadi cabaran dalam PdP Thirukural. Seterusnya sebanyak 68.8% responden mengakui bahawa ketiadaan modul khas KBAT untuk murid- murid SJKT menyebabkan murid-murid SJKT kurang menguasai KBAT. Seramai 120 orang (79.4%) mengatakan mereka memerlukan buku panduan khas untuk mengajar Thirukural dan 135 orang (89%) responden inginkan modul yang mengandungi aktiviti-aktiviti yang menarik bagi murid-murid mereka. Kenyataan ini memaparkan keputusan yang sama dengan kajian yang dijalankan oleh Patrick Jolius, Rosliah, Juppri (2023) dimana responden kajian mereka sangat bersetuju bahawa pembangunan modul pengajaran sangat diperlukan untuk kegunaan pelajar dan guru dalam PdP kerana ini akan dapat menambah bahan PdP bagi menangani kekurangan bahan PdP.

Seramai 135 orang (89%) responden percaya PdP Thirukural akan menjadi lebih efektif sekiranya ada sebuah modul khas untuk pengajaran Thirukural. Harapan ini selaras dengan dapatan kajian Jamian (2023) yang mendapati guru yang menyediakan modul KOMSAS telah mencapai tahap min yang tertinggi bagi strategi yang digunakan oleh guru iaitu 3.76 (SP= .77). Menurut Aliza dan Zamri (2017) modul yang dibangunkan perlu mengambil kira masalah yang dihadapi guru dan keperluan sedia ada supaya modul yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan guru. Responden kajian ini juga inginkan perkara yang sama dalam modul yang akan dihasilkan kelak. Hakikat ini dibuktikan dimana sebanyak 130 orang (86%) responden sedar bahawa modul khas yang menggabungkan Thirukural untuk meningkatkan KBAT melalui inkuiri terbimbing adalah satu keperluan dan bukannya satu keselesaan. Sejumlah 134 orang atau 88.7% responden berjanji akan menggunakan modul Thirukural untuk meningkatkan KBAT murid-murid dalam PdP sekiranya ia dihasilkan. Ini menunjukkan bahawa secara rumusnya bahagian ini membuktikan guru-guru bahasa Tamil memang menghadapi kesukaran dalam PdP Thirukural tanpa sebarang modul dan mengharapakan sebuah modul khas Thirukural dan KBAT dapat dihasilkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian analisis keperluan ini membantu pengkaji untuk memahami situasi dan keadaan sebenar yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Tamil dalam PdP Thirukural. Kajian ini juga memberi kesedaran betapa pentingnya satu modul khas Thirukural untuk meningkatkan KBAT murid-murid SJKT dihasilkan. Di samping itu kajian ini juga membuka jalan untuk menerokai sejauh manakah KBAT diterapkan dalam dunia pendidikan di Malaysia dan sejauhmanakah hasrat KPM dilaksanakan di sekolah-sekolah. Akhir sekali kajian keperluan ini telah membantu pengkaji untuk mengatur langkah-langkah sewajarnya untuk menghasilkan satu modul yang berkualiti yang dapat memenuhi keperluan guru-guru dalam PdP Thirukural.

RUJUKAN

- Aliza, A. & Zamri, M. (2017). Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-8
<https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/34089>
- Anderson, L.W. & Krathwohl, D.R.E. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman.
- Cherry, Kendra, (2018). "Menggunakan Skala Likert dalam Psikologi." *Verywell Mind*, 14 Jun 2018. <https://www.verywellmind.com/what-is-a-likert-scale-2795333>
- Faridah Nazir, Faiziah Shamsudin & Amran Bakar. (2017). *Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.

- Hazram Ismail¹, Nurulain Nabilah Hamzu (2020), Pengintegrasian KBAT dalam Pengajaran Matematik semasa Praktikum dalam Kalangan Bakal Guru Sekolah Rendah: Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences 19, Issue 1 (2020) 80-89. Journal homepage: www.akademiabaru.com/arsbs.html
- Jamian, A. R. (2023). Penggunaan Bahan Komponen Sastera Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 11(1), 89 - 99. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/176>
- Kanthasamy Sundara Rajoo, (2018).Masalah-Masalah Mengintegrasikan KBAT Dalam Pengajaran Sewaktu Praktikum Oleh Guru Pelatih IPG Ipoh, Proceeding Of International Conference On The Future Of Education (ConFed). IPTB, Pulau Pinang.
- Kartheges Ponniah, (2017). Pemikiran Kritis Dan Amalannya Dalam Masyarakat India Berpendidikan Tamil Di Malaysia Berpanduan Teks Thirukural.Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kartheges Ponniah, (2019). The teaching of Thirukkural based on HOTS among the students of Tamil primary schools in the state of Perak. International Journal of Advanced And Applied Sciences. 6. 94-101. 10.21833/ijaas.2019.02.014.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Elemen KBAT dalam pentaksiran*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Bahasa Tamil Tahun Lima Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putra Jaya
- Krathwohl, D.R.(2002). A Revision of Bloom's Taxonomy: An Overview. Dlm Revising Bloom Taxonomy. *Theory into practice*. 41(4): 212-218. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Lee Kim Hong (2006). "Pengajaran dan pembelajaran sastera dalam sukatan pelajaran Pengajian Cina KDPM." *Jurnal Pendidikan*. Seremban: Maktab Perguruan Raja Melewar.
- Mohd Nazri Hassan & Ramlee Mustapha & Nik Azmah Nik Yusuff & Rosnidar Mansor, 2017. "Development of Higher Order Thinking Skills Module in Science Primary School: Needs Analysis," International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, Human Resource Management Academic Research Society, International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, vol. 7(2), pages 624-628, February.
- Murtafiah, W., Yunitasari, A., Gembong, S., Alvarez, J. I., & Yahya, F. H. (2024). Students' Metacognition in Solving HOTS Problems in the Context of the Flag Ceremony Yard Based on Initial Mathematical Abilities. *Pythagoras: Jurnal Matematika dan Pendidikan Matematika*, 19 (2), 179-193. <https://doi.org/10.21831/pythagoras.v19i2.76120> <https://doi.org/10.21831/pythagoras.v19i2.76120>
- Norfariza Mohd Radzi & Nur Fadhilah Muzammil, (2018). Tahap Kompetensi Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 12-28. Retrieved from <https://juku.um.edu.my/article/view/15768>

- Nooriza, K. & Effandi, Z. (2015). Integrasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3(1), 1-12.
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(2), 22- 31.
- Pagalavan, P. (2015). Thirukural Karuththurai. Karpagam Publication. Kanabathy Enterprise. Chennai
- Patrick Jolius, Rosliah Kiting, Juppri Bacotang.(2023). Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata bersumberkan Sundait Bahasa Kadazandusun Untuk Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM)* ISSN.(Online): 2976-2634 Jilid:1 Isu: 2
- Rajendran, N. S. (2001). Amalan Berdaya Fikir Pengajaran Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Bilik Darjah.
- Rajendran, N. S. (2008). Teaching and Acquiring Higher Order Thinking Skills Theory and Practice. Perak, UPSI. pp. 53, 59, 60.
- Ramli, M. S., & Mohd Tajudin, N. (2021). Analisis keperluan untuk membangunkan Modul Pembelajaran Berasaskan Challenge dalam Mempelajari Matematik bagi murid tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11, 50-58. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.sp.5.2021>
- Rashidah Rahamat, Parilah Mohd Shah & Sharifah Nor Puteh, (2013). Pembangunan dan Penilaian Pakej Pembelajaran Mudah Alih Komsas dalam Bahasa Inggeris Tingkatan Empat. UKM, Bangi.
- Saputra, I., Putra, M., & Amalia, Y. (2022). Analisis Kemampuan Siswa Dalam Menyelesaikan Soal Hots Matematika Bangun Ruang Sisi Datar Di Smp Negeri 4 Banda Aceh. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa*, 3 no. 2(2). <https://jim.bbg.ac.id/pendidikan/article/view/849>
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis & Aliza Ali, (2012). Keprihatinan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kemahiran Secara Kritis dan Kreatif : *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/45>
- Sidek Mohd. Noh & Jamaludin Ahmad (2005). Pembinaan Modul-Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Surtahman, A. S., Mohamad Rohana, N. A., Mohammad Sulaiman, N. A., P Rameli, M. F., Abdul Razak, A. Q., & Halim, F. H. (2023). Pembentukan Modal Insan Berakhlak Mulia Berteraskan Metode Pendidikan Rasulullah Saw Di Malaysia: Tinjauan Literatur Dalam Aspek Pendidikan Pada Abad Ke-21. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 428 – 440.
- Syahida Nadia Zakaria, (2015). Kesan Pendekatan Konstrutivisme Dan Pendekatan Tradisional Dalam PengajaranDan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. ISSN: 2180-4842. Vol.5, Bil.2 (Nov. 2015): 12-21 1

- Shamilati Che Seman, Wan Mazwati Wan Yusoff & Rahimah Embong. (2018). etodologi Berfikir Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah Berfikrah. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, 7-8 November 2018. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sendag, S. Erol, O. Sezgin, S. & Dulkadir, n. (2015). Preservice teachers' critical thinking dispositions and web 2.0 competencies. *Contemporary Educational Technology*, 6(3).
- Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin, (2017). Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Simposium Pendidikan di Peribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)
- Yee, C. S., Tze, W. J., and Abdullah, A. H. (2017). Pencapaian matematik TIMSS 1999, 2003, 2007, 2011 dan 2015: Di manakah kedudukan Malaysia dalam kalangan Negara Asia Tenggara? *Malaysian Journal of Higher Order Thinking Skills in Education (MJHOTS)*, 54–109